



# E-BULETIN KKM

KAMI SEDIA MEMBANTU

PENYAYANG • PROFESIONALISME • KERJA BERPASUKAN

EDISI MEI 2018



## HARI PERTAMA YB DR. HAJI DZULKEFLY MEMULAKAN TUGAS DI IPKKM

MS/1



Majlis Pelancaran Pelaksanaan *E-Payment* Di Klinik Kesihatan Malaysia

MS/11



Perhimpunan Kesihatan Dunia Ke-71

MS/4



## HARI PERTAMA YB DR. HAJI DZULKEFLY MEMULAKAN TUGAS DI IPKKM

**Tarikh: 22 Mei 2018**

**Tempat: IPKKM, Putrajaya**

**Y**B Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan (YBMK) telah melapor diri dan memulakan tugas sebagai Menteri Kesihatan di IPKKM. Kehadiran beliau telah disambut oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU), YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, TKSU (P), YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan, TKSU (K) dan juga pegawai-pegawai

kanan kementerian. Pada hari pertama bertugas, YBMK telah diberi penerangan tentang tadbir urus yang meliputi semua program utama di KKM. YBMK berharap agar warga kerja KKM di semua peringkat berganding bahu dan bekerjasama dalam memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan demi rakyat.





## MAJLIS SERAH – TERIMA TUGAS MANTAN MENTERI KESIHATAN KEPADA MENTERI KESIHATAN BAHARU

Tarikh: 24 Mei 2018

Tempat: IPPKM, Putrajaya

**Y**B Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Serah – Terima Tugas Mantan Menteri Kesihatan kepada Menteri Kesihatan baharu. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU), YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, TKSU (P), YBhg. Dato' Mohd Syafiq bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan, TKSU (K), Timbalan Ketua-Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai kanan IPPKM.





## LAWATAN KSN KE HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

Tarikh: 8 Mei 2018  
 Tempat: Kuala Kubu Bharu, Selangor

**Y**Bhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) merangkap Penasihat PUSPANITA dan YBhg. Puan Sri Datuk Seri Rohani Abdullah, Yang DiPertua PUSPANITA kerana telah menyampaikan sumbangan kebajikan PUSPANITA bernilai RM61,000.00 kepada Hospital Kuala Kubu Baru. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) KKM. Program Ziarah Kebajikan PUSPANITA ini dimulakan dengan lawatan ke Wad Perempuan, Lelaki dan Kanak-Kanak bagi menyampaikan sumbangan PUSPANITA kepada pesakit. YBhg. Tan Sri KSN telah menyampaikan amanat dan menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan kepada hospital tersebut. Program diakhiri dengan penyampaian taklimat oleh YBrs. Dr. Jasmeet Singh a/l Sucha Singh, Pengarah Hospital Kuala Kubu Baru.





# PERHIMPUNAN KESIHATAN DUNIA KE-71

**Tarikh: 21 Mei 2018**

**Tempat: Geneva**

**Y**Bhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah menghadiri Perhimpunan Kesihatan Dunia ke-71 (WHA). Turut hadir ialah Dr. Nik Jasmin Nik Mahir, Pakar Kesihatan Awam dan Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Awam, Dr Azuana Ramli, Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Cik Noriza Zakaria, Bahagian Pemakanan. WHA adalah badan pengambil keputusan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Ia dihadiri oleh delegasi dari semua negara anggota WHO dan memberi tumpuan kepada agenda kesihatan tertentu yang disediakan oleh Lembaga Eksekutif. Fungsi utama Perhimpunan Kesihatan Sedunia adalah menentukan dasar Organisasi, melantik Ketua Pengarah, mengawasi dasar kewangan, meninjau dan meluluskan anggaran program yang diajukan.





# PROGRAM HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Tarikh: 31 Mei 2018  
Tempat: UPM, Serdang

**Y**B Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah merasmikan Program Hari Tanpa Tembakau Sedunia peringkat Kebangsaan 2018. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan TKSU (P) dan YBhg. Dato' Dr. Haji Azman bin Haji Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam). YBMK menyarankan agar rakyat Malaysia sentiasa menjaga kesihatan jantung dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat seperti makan makanan yang sihat dan seimbang, melakukan senaman dan menjauhi tabiat merokok.





# MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN DUTA KENALI UBAT ANDA PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Tarikh: 3 Mei 2018  
Tempat: Kuala Lumpur

**Y**Bhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) telah merasmikan Majlis Perasmian Persidangan Duta Kenali Ubat Anda Peringkat Kebangsaan 2018. Majlis tersebut bertujuan memperkasakan wakil masyarakat yang berpengaruh seperti penghulu, ketua kampung, wakil kesatuan penduduk ahli lembaga penasihat, ahli persatuan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain dalam usaha menyampaikan maklumat asas berkaitan ubat-ubatan. Program tersebut menggunakan kaedah membimbing rakan sebaya (*peer education*) dalam menyampaikan informasi secara berkesan kepada masyarakat setempat. Program tersebut juga merupakan antara usaha kerajaan dalam menjaga kepentingan dan kesejahteraan masyarakat.



## Lawatan Kerja Ke Institut Kanser Negara

Tarikh: 26 Mei 2018

Tempat: Institut Kanser Negara, Putrajaya

**Y**B Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Institut Kanser Negara, Putrajaya. Turut hadir ialah Dr. Asmayani Khalib, Pengarah Institut Kanser Negara. YBMK telah melawat ke wad pesakit dan fasiliti kesihatan di IKN. Beliau sempat beramah mesra bersama pesakit dan warga kerja IKN. YBMK berharap perkhidmatan Kesihatan akan terus diperkasakan demi kesejahteraan rakyat bersama.







## Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan Komanwel Tahunan

Tarikh: 20 Mei 2018

Tempat: Geneva

**Y**Bhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan Komanwel tahunan (CHMM) di Hotel starling, Geneva. Tema untuk CHMM 2018 ialah *“Enhancing the global fight against non-communicable diseases”* meningkatkan kesedaran, menggerakkan sumber untuk perlindungan kesihatan sejagat dan berkongsi pengalaman konteks negara. Kini, kita telah menubuhkan penanda aras yang sangat tinggi untuk penduduk tua yang sihat dan produktif apabila Perdana Menteri dan isterinya merupakan doktor yang diiktiraf telah dipilih untuk mengambil kepimpinan negara.





# MAJLIS PELANCARAN PELAKSANAAN *E-PAYMENT* DI KLINIK KESIHATAN MALAYSIA

Tarikh: 2 Mei 2018  
Tempat: Kuala Lumpur

**Y**Bhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) telah merasmikan Majlis Pelancaran Pelaksanaan *E-Payment* di Klinik Kesihatan Malaysia. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan TKSU (P). Pelaksanaan pembayaran bil secara *e-payment* diwujudkan bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan pembayaran di kaunter pembayaran dan seterusnya mengurangkan masalah tunggakan bayaran. Inisiatif *e-payment* tersebut diuruskan melalui kerjasama dengan *RHB Islamic Bank Berhad*. Kaedah pembayaran bil secara *e-payment* akan dilaksanakan secara berfasa dan dimulakan dengan Klinik Kesihatan Kuala Lumpur dan Klinik Kesihatan Seri Kembangan, Selangor yang dijangka beroperasi pada pertengahan bulan Mei 2018. Bagi fasa pertama, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor akan melaksanakan inisiatif tersebut dan disusuli semua klinik kesihatan di seluruh negara. Walaupun pembayaran bil secara *e-payment* dilaksanakan namun pembayaran secara tunai masih lagi diterima di kaunter bayaran. YBhg. Dato' Seri KSU berharap pembayaran secara *e-payment* dapat meningkatkan lagi kecekapan penyampaian perkhidmatan kesihatan di klinik-klinik kesihatan di seluruh negara.





## SEMINAR KEJURURAWATAN SEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT SEDUNIA PERINGKAT IPKKM 2018

Tarikh: 15 Mei 2018

Tempat: IPKKM, Putrajaya

**Y**Bhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (KPK) telah merasmikan Seminar Kejururawatan sempena Sambutan Hari Jururawat Sedunia Peringkat IPKKM 2018 yang bertemakan “*Nurses: A Voice To Lead, Health Is A Human Right*”. Turut hadir bersama YBhg. Dato’ Dr. Hj. Azman Bin Hj. Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam). Hari Jururawat Sedunia disambut pada 12 Mei setiap tahun merupakan hari yang bersejarah dan mulia bagi semua jururawat di seluruh dunia. Profession kejururawatan kini melibatkan kerja-kerja yang sangat teknikal dengan wujudnya diagnosis kejururawatan dan pelan penjagaan sendiri. Profession ini menuntut daya kesabaran yang tinggi. YBhg. Datuk KPK memberi penghargaan kepada semua jururawat di seluruh negara yang sentiasa berdedikasi melaksanakan tugas tanpa mengira tempat dan masa.





## SESI DIALOG KSU BERSAMA WARGA KERJA HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

Tarikh: 8 Mei 2018  
Tempat: Kuala Kubu Bharu, Selangor

**Y**Bhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) telah mengadakan sesi dialog bersama warga kerja Hospital Kuala Kubu Bharu. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Dr. Khalid bin Ibrahim, Pengarah JKN Selangor. YBhg. Dato' Seri KSU berkesempatan mendengar pendapat, permasalahan dan perkongsian idea serta isu-isu yang dibangkitkan oleh warga kerja hospital. KKM amat perihatin dalam memastikan masyarakat mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan terbaik.





## Lawatan Kerja Ke Hospital Kampar & Cadangan Tapak Projek Hospital Kampar

Tarikh: 6 Mei 2018  
Tempat: Kampar, Perak



**Y**Bhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Kampar dan tapak projek Hospital Kampar. Turut hadir bersama ialah Dr. Ding Lay Ming, Pengarah JKN Perak. Hospital Kampar adalah di antara hospital yang dikenal pasti di bawah program hospital kluster yang menyediakan perkhidmatan lawatan pakar secara berkala di bidang Perubatan,

Pediatrik, O&G, Psikiatrik dan Ortopedik. Kadar penggunaan katil *bed occupancy rate* (BOR) hospital ini dalam julat antara 40% ke 60%. KSU juga sempat mengadakan lawatan ke tapak projek menaik taraf Hospital Kampar bersama pegawai daerah Kampar dan beberapa pegawai kanan KKM. Kementerian komited dalam memberikan fokus terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.





# Mesyuarat Agung Tahunan / Kongres Saintifik Tahunan 2018

Tarikh: 11 Mei 2018  
Tempat: Ipoh, Perak

**Y**Bhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan / Kongres Saintifik Tahunan 2018 yang bertemakan “*First Do No Harm*” yang dianjurkan oleh Akademi Perubatan Malaysia. Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh Tan Sri Dato’ Dr. Abu Bakar Suleiman, Past Master Akademi Perubatan Malaysia. KPK telah menyampaikan ucapan mengenai “*Difficult Thyroid Surgery, Primum Non Nocere*”. Dalam mesyuarat tersebut Kolej Surgeons pertama kali merasmikan sembilan kepakaran sebagai *chapter* ke dalam Kolej. Bab-bab tersebut akan mempromosikan kajian dan penyelidikan dalam bidang masing-masing dan juga mengekalkan amalan profesional dan etika profesional yang paling tinggi sesuai dengan matlamat dan objektif kolej.



# SIDANG PENGARANG E-BULETIN KKM

## Penasihat

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

## Pengarang

Mona Ang  
Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin Edisi Mei 2018.



Sidang Redaksi e-Buletin KKM  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 4, Blok E7  
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481

Faks : 03-8888 6187



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
Aras 4, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya Malaysia.  
2018